

Headline Image analysis revenue CCTV Nurin's case this week (Ha...
Date 09. Oct 2007 Language MALAY
Media Title Berita Harian Page No 6
Section Nasional Article Size 141 cm2
Circulation 217991 Frequency Daily
Readership 762968 Color Full Color



Hasil analisis imej CCTV kes Nurin minggu ini

KUALA LUMPUR: Polis yakin akan mendapat maklumat berhubung kes pembunuhan kejam Nurin Jazlin Jazimin, 8, apabila memperoleh imej rakaman kamera litar tertutup (CCTV) yang ditingkatkan di makmal Biro Siasatan Persekutuan (FBI), Amerika Syarikat, minggu ini.

Sumber memberitahu *Berita Harian*, pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang berada di Washington, akan pulang ke negara ini beberapa hari lagi.

“Polis yakin rakaman ini dapat membantu siasatan kes ini,” katanya, di sini, semalam.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan sebelum ini mengesahkan PDRM mendapatkan bantuan teknikal FBI bagi meningkatkan imej rakaman dipercayai suspek dirakam CCTV yang dipasang di premis bersebelahan tempat mayat Nurin Jazlin ditemui dalam sebuah beg sukan di Taman Petaling Utama, dekat sini, 17 September lalu.

Polis sebelum ini mendedahkan ke-
libat seorang wanita berbadan kecil berusia lingkungan 20-an yang di-

rakam CCTV yang ditempatkan di sebuah bengkel kereta bersebelahan lokasi mayat Nurin Jazlin ditemui.

Wanita itu dilihat menaiki kereta Kenari perak yang dipandu seorang lelaki.

Sementara itu, sumber lain memberitahu kad SIM telefon bimbit yang dikeluarkan daripada badan wanita Indonesia berusia 23 tahun di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM),

Rabu lalu, sudah dihantar untuk ujian forensik siber di Cyberjaya.

Ujian itu dilakukan sekumpulan pakar Mimos Bhd, bertujuan mendapatkan maklumat terkandung di dalamnya, termasuk senarai nombor panggilan dan khidmat pesanan ringkas (SMS) yang dibuat atau diterimanya.

“Proses itu dijangka mengambil masa seminggu,” katanya.